

D702

U B214 AAB
MAHATHIR - BN

KUALA LUMPUR, 18 JUN (BERNAMA) -- BARISAN NASIONAL (BN) TIDAK MEMPUNYAI ANGGOTA-ANGGOTA SECARA INDIVIDU, KECUALI PARTI-PARTI KOMPONEN SEBAGAI ANGGOTANYA, DAN OLEH ITU IA TIDAK MEMPUNYAI KUASA UNTUK MENYINGKIR ANGGOTA PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG DIPILIH ATAS TIKETNYA.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, YANG BERKATA DEMIKIAN, MENEGASKAN BN TIDAK MEMPUNYAI ANGGOTA INDIVIDU DAN SEJAJAR DENGAN ITU KEDUDUKAN MEREKA SAMA ADA MASIH MENJADI PENYOKONG BN ATAU SEBALIKNYA ADALAH TERPULANG KEPADA MEREKA SENDIRI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT DEWAN TERTINGGI BN YANG BERLANGSUNG SELAMA KIRA-KIRA 2 JAM DI MENARA DATUK ONN, DI SINI, HARI INI.

BEBERAPA ORANG ANGGOTA PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG SEBELUM ITU BERTANDING ATAS TIKET BN TELAH ENGGAN MENYERTAI UMNO (BARU) YANG MERUPAKAN PARTI KOMPONEN BN.

+BN HANYA MEMPUNYAI PARTI-PARTI (KOMPONEN) SEBAGAI ANGGOTA-ANGGOTANYA DAN TIDAK MEMPUNYAI ANGGOTA-ANGGOTA SECARA INDIVIDU,+ KATA PERDANA MENTERI YANG JUGA PENGERUSI BN. -- LAGI
1638MST 18 06 88

U B219 AAB
MAHATHIR - BN 2 KUALA LUMPUR

+PENDEK KATA TIDAK ADA SESIAPA YANG MENJADI ANGGOTA BN. SESEORANG ITU BOLEH MEWAKILI BN KALAU DIANYA BERTANDING SEBAGAI CALON BN DAN DIA DICALONKAN DARIPADA PARTI-PARTI KOMPONEN BN+.

+OLEH KERANA BN TIDAK MEMPUNYAI ANGGOTA, MAKA BN TIDAK BOLEH MENYINGKIR SESIAPA PUN,+ KATA BELIAU.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, KEPUTUSAN BN ITU BUKANLAH BARU KERANA PERKARA YANG SAMA PERNAH BERLAKU PADA MASA LEPAS, YANG PADA KETIKA ITU BEBERAPA ANGGOTA MCA DISINGKIRKAN DARIPADA PARTI BERKENAAN, TETAPI TIDAK ADA APA-APA TINDAKAN DI PERINGKAT BN.

+JADI INI BUKANLAH SATU PERKARA BARU BAGI BN SEBAB SUDAH ADA +PRECEDENT+ MAKA BN TIDAK AMBIL APA-APA SIKAP WALAUPUN PARTI KOMPONENNYA MUNGKIN MENGAMBIL TINDAKAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO (BARU), BERKATA, KEDUDUKAN UMNO (BARU) BERBEZA SEDIKIT, IAITU IA TIDAK BOLEH BERCAKAP BAGI PIHAK MEREKA YANG BUKAN ANGGOTANYA.

+YANG KITA TAHU ORANG INI BUKAN ANGGOTA UMNO (BARU) DAN APA-APA TINDAKAN YANG KITA HENDAK AMBIL, KITA AMBIL. BN SEBAGAI ORGANISASI POLITIK TIDAK ADA KUASA UNTUK MENGAMBIL APA-APA TINDAKAN,+ KATANYA.
-- LAGI

1647MST 18 06 88

D703

U B215 AAB
MAHATHIR - BN 3 KUALA LUMPUR

KATIKA MENJAWAB PERTANYAAN PEMBERITA MENGENAI JUMLAH ANGGOTA PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI DARIPADA UMNO YANG TELAH DIKENALPASTI OLEH UMNO (BARU) TIDAK MENYERTAI PARTI ITU, BELIAU BERKATA JUMLAH SEBENAR TIDAK DIKETAHUI KERANA PROSES PENDAFTARAN ANGGOTA BELUM SELESAI LAGI.

MENGENAI KEDUDUKAN MEREKA (ANGGOTA PARLIMEN UMNO) DALAM DEWAN RAKYAT KATANYA: +ITU TERPULANGLAH KEPADA PARLIMEN UNTUK MENENTUKANNYA JIKA ADA PERMOHONAN UNTUK DUDUK DI TEMPAT LAIN, MAKA SPEAKER AKAN MENENTUKANNYA.+

BAGAIMANAPUN, KATA BELIAU, +JIKA TIADA PERMOHONAN, KITA TIDAK BOLEH BUAT APA-APA.+

PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT AKAN BERMULA PADA 27 JUN DAN SPEAKER DEWAN RAKYAT, TAN SRI ZAHIR ISMAIL, PERNAH MEMBERITAHU BERNAMA BAHAWA KEDUDUKAN TEMPAT DUDUK MEREKA BERKENAAN DALAM DEWAN AKAN HANYA DITENTUKAN SELEPAS BN MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAINYA.

TAN SRI ZAHIR JUGA BERKATA, BELIAU BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN ITU JIKA ANGGOTA PARLIMEN BERKENAAN, MENULIS SURAT KEPADANYA BAGI MENGESAHKAN KEDUDUKAN MEREKA SEBAGAI TELAH TERKELUAR DARIPADA BN.

SETAKAT INI, CUMA ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN JOHOR BAHRU YANG JUGA BEKAS MENTERI KEBAJIKAN, DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD, SAHAJA YANG MENGEMUKAKAN SURAT SEDEMIKIAN KEPADA SPEAKER DEWAN RAKYAT. -- LAGI
1641MST 18 06 88

D704

U B216 AAB
MAHATHIR - BN 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI PERUNTUKAN KEWANGAN BAGI SESUATU KAWASAN PILIHAN RAYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, ADALAH MENJADI AMALAN LAMA BAHAWA SEMUA PERUNTUKAN DISAMPAIKAN KEPADA PEGAWAI PEMBANGUNAN NEGERI YANG AKAN MENYALURKANNYA KE PEJABAT-PEJABAT DAERAH.

WAKIL RAKYAT BERHAK MEMBUAT CADANGAN.... TETAPI TIDAK BERHAK MENGELUARKAN WANG, TEGAS PERDANA MENTERI DENGAN MENAMBAH BAHAWA SAMA ADA CADANGAN WAKIL RAKYAT ITU AKAN DILULUSKAN ATAU TIDAK, AKAN BERGANTUNGLAH KEPADA PROSES PENTADBIRAN BIASA.

+SEMUA KAWASAN PILIHAN RAYA (TERMASUK KAWASAN PEMBANGKANG) DIBERI PERUNTUKAN DAN KALAU ADA SIAPA-SIAPA YANG HENDAK MEMBERI CADANGAN, MUNGKIN KITA LAYAN, DAN KADANG-KADANG KITA TIDAK DAPAT LAYAN,+ KATANYA.

YANG TURUT HADIR PADA MESYUARAT DEWAN TERTINGGI BN ITU IALAH TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA SERTA PRESIDEN BAGI PARTI-PARTI KOMPONEN BN.

NAIB-NAIB PRESIDEN UMNO (BARU), ENCIK ANWAR IBRAHIM, DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI DAN DATUK HAJI WAN MOKHTAR AHMAD SERTA SETIAUSAHA AGUNG UMNO (BARU), DATUK MOHAMED RAHMAT TURUT HADIR. --
BERNAMA

1643MST 18 06 88